

Jus OgyBerry cegah kanser hati

Oleh MUHAMMAD IZWAN MOHD. ISA
izwan.mohdisa@kosmo.com.my

SERDANG – Produk minuman kesihatan, jus OgyBerry yang didakwa dapat menghalang dan mencegah penyakit kanser hati dilancarkan sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Ketua Jabatan Anatomi Manusia UPM, Prof. Dr. Fauziah Othman berkata, minuman kesihatan yang berasaskan buah beri berberis itu tingi dengan kandungan antioksidan dan kaya vitamin C.

Beliau yang merupakan penyelidik bagi projek penghasilan minuman kesihatan itu memberitahu, idea untuk menghasilkan minuman kesihatan tersebut tercetus ketika melawat ladang tanaman beri berberis di Teheran, Iran.

“Saya telah menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan minuman kesihatan itu sejak 13 tahun lalu melalui beberapa ka-

jian ke atas tisu kultur tikus.

“Melalui kajian yang dilakukan, ternyata khasiat anti oksida dan vitamin dalam buah beri berberis dapat merawat dan menghalang kanser hati daripada terjadi atau merebak,” katanya selepas pelancaran produk itu.

Majlis pelancaran produk tersebut serta Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM telah disempurnakan oleh

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan.

Sebanyak 40 gerai pameran dan jualan dibuka untuk memeriahkan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM itu yang bermula semalam hingga 30 Oktober ini.

Mengulas lanjut Fauziah berkata, buat masa ini, minuman kesihatan itu boleh diambil oleh pengguna berdasarkan khasiat yang ada pada bahan asasnya kerana ujian klinikal ke atas keberkesanannya untuk merawat kanser yang ada dalam tubuh manusia belum lagi dijalankan.



INFO Beri berberis

- Tanaman itu banyak ditemui di kawasan beriklim sederhana seperti benua Eropah dan tanah tinggi di Iran.
- Rakyat Iran menggunakan buah beri berberis dalam menu nasi yang dipanggil pilaf.
- Khasiat berberis pernah dibuktikan oleh Ibnu Sina di dalam bukunya yang bertajuk *The Cannon of Medicine*.
- Buah beri berberis baik untuk mengurangkan kekejangan perut, meningkatkan sistem imun dalam badan serta mengurangkan rasa mual.

Antara khasiat lain buah beri berberis ialah merendahkan kandungan kolesterol, mencairkan darah beku, menghalang keguguran rambut serta menurunkan berat badan.

Fauziah menambah, bahan



MOHD. FAUZI (kanan) dan Fauziah (dua dari kanan) menunjukkan minuman kesihatan, jus OgyBerry selepas melancarkan produk itu dan merasmikan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM di Serdang, Selangor semalam.

mentah untuk menghasilkan minuman kesihatan itu diimport dari Teheran, Iran.

Jus OgyBerry yang dikeluarkan oleh anak syarikat UPM, Healviver Sdn. Bhd. dijual dengan harga RM6 sebotol dan ia boleh didapati di Pasar Raya Putra UPM.



BUAH beri berberis.